

# Buletin

Jamadil Awal 1446H/November 2024

ACIS



## Kesejahteraan dan Kebajikan Ummah

<https://nsemilan.uitm.edu.my/seremban/index.php/anjung/pusat-akademik/akademi-pengajian-islam-kontemporari>



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

# Pengukuhan Fahaman Akidah Ahl Al-Sunnah Wal Jama'ah Melalui Kolaborasi Pengajaran



Oleh:

**Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.



**Dr Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

Sebagaimana diketahui, ilmu akidah merupakan ilmu agama bersifat fardu ain yang wajib dipelajari oleh setiap mukallaf. Firman Allah Ta’ala dalam Surah al-Zumar : 9 bermaksud “*Katakanlah (Wahai Muhammad) tidaklah sama orang yang mengetahui dan orang yang tidak mengetahui*” manakala Hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi pula menyebutkan Rasulullah SAW bersabda dengan makna :“*Menuntut ilmu agama (yang daruri) adalah wajib ke atas setiap muslim*”. Demikianlah, difahami bahawa setiap umat Islam yang mukallaf wajib mempelajari dan berusaha menuntut ilmu agama termasuklah ilmu akidah berdasarkan pegangan ahli al-Sunnah Wal Jama’ah beraliran al-Asya’irah dan al-Maturidiyyah. Aliran ini merupakan kelompok majoriti yang berpegang teguh dengan manhaj Nabi Muhammad SAW dan para sahabat baginda sebagaimana disebut oleh Al-Hafiz Murtada al-Zabidi menerusi Syarh Ihya’ Ulum al-Din Terjemahan :

“*Sekiranya disebut Ahl Sunnah Wal Jama’ah, maka yang dimaksudkan dengan golongan tersebut adalah kelompok al-Asyairah dan al-Maturidiyyah*”.

Justeru itu, atas rasa tanggungjawab untuk membantu pengukuhan kefahaman Aqidah Ahl al-Sunnah Wal Jama’ah dalam kalangan pelajar UiTM, pensyarah kod ISC100 Aqidah Islamiyyah telah mengambil inisiatif mengadakan kolaborasi pengajaran pada 7 Jun 2024 (Jumaat) kepada seramai 98 orang pelajar semester 1 Diploma Pengurusan Halal (IC120) bertempat di Dewan Kuliah 200, Kampus Kuala Pilah. Kolaborasi pengajaran ini bertujuan mengadakan perkongsian ilmu kepada pelajar mengenai salah satu skop perbahasan ilmu akidah yang bertajuk “*Keimanan kepada Qada’ dan Qadar*” dan seterusnya menjelaskan kefahaman sebenar dari perspektif Ahl al-Sunnah Wal Jama’ah serta sebagai galakan kepada pelajar untuk melazimi majlis ilmu dan membudayakan program ilmu di alam universiti.

Program yang berlangsung selama 2 jam bermula dari jam 3-5 petang ini disampaikan oleh individu berkepakaran dalam bidang akidah iaitu Dr Mohd Asyran Kamaruzaman, Pensyarah Kanan ACIS, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Antara perkara yang dibahaskan berkenaan topik yang

dipilih adalah Hadith Jibril, hukum akal, *al-Qadr* : sifat Allah, makna *al-Qadha* dan *al-Qadr*, makna *al-Iradah*, *taqdir* tidak berubah dan memahami keadilan Allah Ta’ala. Hasil maklum balas yang diterima, didapati perbahasan kandungan topik ini telah difahami dengan baik oleh pelajar. Hal ini kerana, pelajar dapat melontarkan semula input yang telah dipelajari menerusi aktiviti dalam google form dan menjawab dengan baik semasa sesi soal jawab di dalam kelas.

Akhir kata, pihak penganjur program ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof Madya Ts Dr Noorlis Bin Ahmad dan Ketua Pusat Pengajian ACIS, Ustaz Nasif Sidquee Bin Pauzi yang menyokong pelaksanaan program kolaborasi pengajaran ini. Juga kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat menjayakan program ini. Moga program sebegini dapat diadakan lagi pada masa akan datang bagi mengukuhkan lagi fahaman akidah ahli al-Sunnah Wal Jama’ah dalam kalangan staf akademik ACIS dan pelajar di UiTM.

